

Mengawal kebebasan demi keselamatan

Masyarakat perlu faham kedudukan Islam dalam Perlembagaan

Malaysia mempunyai penduduk lebih 60 peratus beragama Islam berusaha menegakkan Islam sebagai mercu tanda identiti negara. Islam adalah jati diri, khususnya kepada orang Melayu yang cuba mempertahankan Islam daripada segala ancaman luar mahupun dalam negara.

Kini ada perbincangan hangat mengenai beberapa isu seperti penggunaan kalimah Allah oleh penganut Kristian, kitab *Injil* dalam bahasa Melayu dan isu hina Islam berkaitan pertuduhan ke atas Alvin Tan dan Vivian Lee melalui Facebook yang menghina kesucian Ramadan. Sebelum ini, banyak perdebatan mengenai isu kebebasan beragama, kawalan terhadap moral dalam isu tangkapan khalwat dan banyak lagi.

Jelas, menerusi perdebatan itu sebenarnya ramai tidak faham kedudukan Islam dalam sistem politik negara ini. Agama Islam sebenarnya disebut dan diletakkan dalam kedudukan yang amat istimewa di dalam Perlembagaan Persekutuan melalui Perkara 3. Penganut agama lain terus dibenarkan mengamalkan agama masing-masing dengan syarat tidak mengganggu kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan.

Negara 'hibrid'

Indonesia sebagai negara Islam terbesar di dunia tidak meletakkan agama Islam sebagai berstatus istimewa seperti di Malaysia. Kedudukan keistimewaan ini juga menyebabkan Tun Dr Mahathir Mohamad pernah mengisytiharkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam. Ramai sarjana yang mengkaji kedudukan Islam di Malaysia melihat yang Malaysia sebenarnya sebuah negara 'hibrid' iaitu menggabungkan elemen negara Islam, khususnya undang-undang syariah dan sistem konvensional Barat dalam sistem politik dan perundangannya. Ini sekali gus menjadikan Malaysia unik berbanding negara lain di dunia. Islam itu istimewa kerana diangkat dalam kedudukan yang tinggi dalam negara. Ini juga menjadikan budaya politik Malaysia agak unik dengan gabungan penerapan nilai Islam di dalamnya.

Maka masyarakat Islam dan bukan Islam perlu faham kenapa kalimah Allah tidak boleh dipakai oleh orang bukan Islam, kitab *Injil* tidak boleh dalam bahasa Melayu, penyebaran agama lain tidak boleh dilakukan kepada orang Islam, hukuman kerana berkhawat tidak bercanggah dengan hak asasi manusia, dan larangan menghina Islam. Semuanya ini adalah jaminan kedudukan istimewa Islam.

Berbalik kepada isu menghina Islam, negara mempunyai hak untuk menentukan bagaimana kedudukan agama dan bangsa sesebuah negara. Hak pe-

mentuan diri sendiri ini tidak harus dipersoalkan oleh sesiapa. Misalnya di Amerika Syarikat, rakyatnya diberikan kebebasan bersuara hinggakan dibenarkan menghina bangsa dan agama kaum lain kecuali dalam hal yang menyangkut fitnah.

Hak tentukan perundangan

Di Britain, Akta Hubungan Kaum 1976 secara jelas melindungi orang Sikh dan Yahudi daripada diskriminasi tetapi tidak kepada orang Muslim. Beberapa negara seperti Jerman, Austria, Romania dan Hungary mengambil ketetapan undang-undang menghukum sesiapa yang menafikan kewujudan peristiwa Holocaust atau pembunuhan kaum terhadap orang Yahudi pada Perang Dunia Kedua. Undang-undang sebegini dibenarkan walaupun ia menafikan akal manusia mengkaji kesahihan peristiwa sejarah.

Contoh tadi meskipun kontroversi, namun dibenarkan atas dasar negara mempunyai hak menentukan bentuk perundangan negaranya sendiri. Oleh itu, Malaysia mempunyai hak membentuk undang-undang yang bersesuaian dengan jati diri dan sebagai jaminan kepada keharmonian kaum.

Oleh itu, kebebasan bersuara adalah dibenarkan dan hanya terbatas bagi isu yang membawa kebencian kepada agama, bangsa dan negara termasuk yang berkaitan unsur kelucahan. Malah pelopor fahaman liberal seperti John Stuart Mill pernah menjelaskan bahawa negara harus mendefinisikan kebebasan dan keselamatan. Kawalan ke atas kebebasan dibenarkan demi matlamat yang lebih utama iaitu keselamatan. Justifikasi yang jelas perlu diberikan sekiranya sebarang sekatan dilakukan ke atas kebebasan khususnya kebebasan bersuara.

Dalam konteks ini jelas menghina agama Islam adalah satu kesalahan mengikut undang-undang di Malaysia khususnya melalui Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Hasutan. Kepada umat Islam, sekiranya ingin orang lain menghormati agama Islam, umat Islam juga dilarang menghina agama lain. Sensitiviti agama sangat kuat di Malaysia. Sekiranya tiada kawalan terhadap tindakan penghinaan agama, dikhawatiri akan berlaku perbalahan agama dalam negara. Tidak hairanlah apabila Mufti Wilayah Persekutuan melarang wanita Muslim menyertai pertandingan ratu cantik baru-baru ini kerana ia berkaitan dengan martabat wanita dan Islam di Malaysia.



DR MOHD AZIZUDDIN MOHD SANI

azizuddin@uum.edu.my

Penulis



ialah Dekan Pusat Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia